

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KEMPEN ANTI-VANDALISME

Siapakah manusia yang tidak bertanggungjawab dan suka memusnahkan kemudahan awam? Menurut ahli psikologi dan pakar sakit jiwa, mereka yang menjalankan aktiviti anti-sosial ini kelazimannya didapati menghadapi sakit jiwa. Kadang-kadang terdapat juga yang marah terhadap sesuatu tetapi "melepaskan geram" kepada orang lain atau benda-benda lain seperti kata pepatah "tak dapat tanduk, telinga dipulas".

Ada juga segelintir "pemusnah kemudahan awam" ini yang terdiri daripada penganggur dan penagih dadah. Terdapat juga yang menjadikan tabiat memusnahkan atau merosakkan kemudahan awam ini sebagai "hobi" mereka.

Kegiatan vandalisme telah menimbulkan kerugian kepada pihak yang mengurus dan menyelenggara harta awam, malah ia juga akan mencacatkan lagi pemandangan serta menimbulkan kesulitan kepada pengguna.



Y.Bhg Datuk Mohd Shaid Bin Mohd Tanjei, Tanjak Bandar Kuala Lumpur bersama-sama dengan Y.Bhg Tan Sri Dato' Lee Lam Thye melawat pameran yang diadakan sempena Kempen Anti-Vandalisme pada 8 Ogos 2002.

Bagi mengatasi gejala vandalisme, satu Jawatankuasa Anti-Vandalisme peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan yang menggabungkan pihak DBKL dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan syarikat-syarikat swasta yang dipengerusikan oleh Y.Bhg Tan Sri Dato' Lee Lam Thye, Ahli Lembaga Penasihat DBKL.

Objektif jawatankuasa ini adalah untuk membendung gejala vandalisme dengan mengadakan Kempen Anti-Vandalisme dan Pameran Anti-Vandalisme. Kempen Anti-vandalisme telah diadakan pada 8 Ogos 2002 di DBKL merupakan aktiviti pencegahan terhadap gejala vandalisme. Ianya bertujuan:

1. mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam tentang kepentingan menjaga dan memelihara kemudahan yang disediakan.
2. memupuk sifat menghargai dan semangat sayangkan harta benda awam.
3. mewujudkan sikap tanggungjawab bersama terhadap penggunaan harta benda awam dengan sempurna.
4. memberi gambaran tentang kerosakan dan kemusnahan yang dilakukan merupakan satu kerugian bukan sahaja dalam bentuk wang ringgit malah melibatkan keselamatan nyawa akibat daripada perbuatan vandalisme.

Pameran Anti-Vandalisme akan diadakan sepanjang tahun 2002 di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai dengan harapan orang ramai akan sedar dan dapat merasakan bahawa kerosakan dan kemusnahan akibat daripada perbuatan vandalisme akan mengganggu keselesaan hidup mereka sendiri.



Rencana Pengarang

Sambutan Ulang tahun Kemerdekaan negara yang ke-45 pada 31 Ogos 2002 harus disambut dengan penuh kesedaran oleh semua lapisan masyarakat.

Sejarah negara semenjak dijajah oleh berbagai bangsa lebih 450 tahun dahulu perlu dikaji dan direnung kembali. Segala pahit getir perjuangan dan pengorbanan serta usaha gigih pemimpin dan rakyat dari dahulu hingga sekarang perlu diberi penghargaan dan pengiktirafan yang sewajarnya.

Kecintaan kepada tanah air dan semangat patriotik perlu diterapkan sedalam mungkin. Golongan muda dan kanak-kanak perlu didedahkan kepada sejarah pahlawan-pahlawan bangsa yang telah banyak berkorban untuk kesejahteraan kita semua.

Bagi warga kota Kuala Lumpur, paling tidak, semangat patriotisme ini dapat dimanifestasikan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman dan kenderaan masing-masing. Bagi warga korporat pula di samping bendera yang berkibaran di bangunan, hiasan lampu yang terang bercahaya tentunya dapat menambah meriah dan membangkitkan semangat kemerdekaan.

**Selamat Menyambut Hari
Ulang Tahun Kemerdekaan
Malaysia Ke-45**

Jabatan Kerja Awam

Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar

Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan

Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah P. 16, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan

Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar

Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan

Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran, Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil

Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan

Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama 56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan

Tingkat Bawah, No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai

Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL

03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam

Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852/ 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan

(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)

Bebas Tol : **1800-882-600**
No. Telefon : **03-2699 3930**

Penasihat

Y. B. Dato' Halijah Binti Ithman

Ketua Editor

Dato' Abdul Bin Hj. Mohd. Jain

Editor

Md. Yusoff Bin Ibrahim

Sub Editor

Hanim Binti Hj. Hashim

Suriyana Binti Ismail

Jurufoto

Mubarak Bin Mohd. Alan

Abd. Khani Bin Md. Shohor

Md. Ismail Bin Isnin

Cetakan

Unit Repografi

Jabatan Pengurusan Organisasi

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor

Berita Bandaraya

Bahagian Hal Ehwal Awam

Jabatan Pengurusan Organisasi

Tingkat 5, Bangunan DBKL

Atau berhubung dengan

Suriyana Binti Ismail

Tel: 03-2691 6011 samb. 3851

Faks: 03-2694 1373

E-mel: akhbar@dbkl.gov.my

KOMPLEKS SUKAN DESA TASIK, SG BESI

Kehidupan moden yang sibuk dan mencabar boleh membuatkan manusia tertekan. Salah satu cara mengatasinya ialah melibatkan diri dengan kegiatan sukan dan riadah. DBKL telahpun menyiapkan sebuah lagi kompleks sukan di Desa Tasik, Sg. Besi untuk memberi peluang kepada warga kota untuk beriadah.

Kompleks sukan ini telah disiapkan pada 24 Oktober 2001 dengan kos pembinaan sebanyak RM5 juta, mempunyai dua bangunan iaitu, bangunan utama dilengkapi dengan dewan yang boleh memuatkan tiga buah gelanggang badminton, kolam renang untuk dewasa dan kanak-kanak serta bilik persalinan untuk lelaki dan wanita, bilik untuk 'indoor games' dan gimnasium. Manakala di bangunan berasingan pula disediakan ruang untuk kafeteria, perpustakaan mini, pejabat, bilik serba guna untuk majlis kecil dan tandas yang dilengkapi dengan kemudahan untuk orang kurang upaya. Sementara itu, terdapat 82 petak letak kereta juga disediakan untuk kemudahan pengunjung.



Kolam renang untuk dewasa dan kanak-kanak.



82 petak letak kereta yang disediakan di hadapan bangunan kompleks sukan.



Pandangan hadapan bangunan Kompleks Sukan Desa Tasik, Sg. Besi, Kuala Lumpur.



Bahagian dalam dewan, terdapat 3 buah gelanggang badminton dan pentas.

Selain daripada aktiviti riadah, dewan yang disediakan juga boleh ditempah untuk majlis-majlis rasmi seperti majlis perkahwinan.

DBKL berharap agar warga kota dapat memanfaatkan Kompleks Sukan ini dengan sebaik mungkin. Sebagai warga kota yang prihatin, dapatlah kita menjaga kemudahan yang disediakan ini untuk kepentingan bersama.

Kadar sewa untuk aktiviti sukan ialah RM4.00 sejam, manakala untuk majlis rasmi ialah RM150.00 sehari. Tempahan gelanggang boleh dibuat terus di pejabat kompleks sukan ini.

Keterangan lanjut:

**Unit Sukan
Bahagian Kebudayaan,
Pelancongan & Sukan, DBKL
Tingkat 3, Blok Annex,
Menara Tun Razak,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.**

No. telefon : 03-2692 0429